



KENYATAAN MEDIA
KERAJAAN NEGERI PERLIS
PENGAWALAN PENULARAN WABAK COVID-19

Berdasarkan situasi semasa, Kerajaan Negeri ingin mengingatkan semula bahawa **MISI UTAMA** ketika ini adalah **menghalang dan memutuskan rangkaian penularan wabak COVID-19**. Usaha-usaha ini wajar diberikan perhatian yang serius.

Kerajaan Negeri menghargai segala bentuk sumbangan oleh pelbagai pihak untuk disampaikan kepada kumpulan sasar. Oleh itu, kaedah pemberian sumbangan tersebut sedang diselaraskan melalui Pusat Khidmat DUN agar ianya tidak menjejaskan misi utama iaitu menghalang dan memutuskan rangkaian penularan wabak COVID-19.

Penyerahan bantuan dan sumbangan kepada kumpulan sasar perlulah mendapatkan kebenaran pihak berkuasa terlebih dahulu dan adalah seeloknya menggunakan khidmat pihak berkuasa dalam penyaluran sumbangan tersebut. Manakala bagi pihak yang layak memperolehi apa-apa sumbangan, pergerakan ke tempat-tempat untuk mengambil bantuan perlulah mematuhi arahan pihak berkuasa bagi mengawal pergerakan untuk mencegah penularan wabak COVID-19.

Kerajaan Negeri amat memahami tekanan yang dihadapi kepada sebahagian besar daripada kita. Namun, Kerajaan Negeri memohon agar semua pihak dapat mengurus emosi sendiri dan bekerjasama mematuhi arahan kawalan pergerakan. Selain itu, Kerajaan Negeri memohon supaya masyarakat mengelakkan daripada menyebarkan sebarang maklumat palsu atau tidak tepat.

Akhir kata, semoga Tuhan memberkati usaha-usaha kita tidak kira walaupun kecil sumbangannya.

MISI UTAMA: MENGHALANG DAN MEMUTUSKAN RANGKAIAN PENULARAN WABAK COVID-19.

YB Tuan Azman Bin Mohd Yusof
Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
28 Mac 2020